

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN
TARIKH : 8 NOVEMBER 2016, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN HEE LOY SIAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jalan penyelesaian yang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di persimpangan lebuhraya NPE (New Pantai Expressway) Jalan Klang Lama dan Jalan Templer di Petaling Jaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Lebuh Raya Pantai Baru (NPE), terutama di persimpangan Jalan Klang Lama dan Jalan Templer.

Ini kerana selain Lebuh Raya Persekutuan 2, laluan NPE adalah merupakan antara laluan utama di kawasan berkependudukan padat yang menghubungkan bandar satelit Petaling Jaya dan pusat bandaraya Kuala Lumpur (dan sebaliknya). Sehubungan itu untuk mengurangkan impak kesakan di NPE, Lembaga Lebuhraya Malaysia

(LLM) telah mengarahkan pihak konsesi NPE untuk melaksanakan beberapa langkah proaktif, iaitu seperti berikut:

1. Membuat laluan terus dari Taman Maju Jaya ke arah Persimpangan Templer pada masa puncak (pagi sahaja);
2. Menambah jalan susur ('ramp') di Persimpangan Gasing daripada 1 lorong kepada 2 lorong;
3. Melaksanakan laluan kontra dari Jalan Gasing ke NPE pada masa puncak (petang sahaja), bermula pada 1 September 2016; dan
4. Mengawal aliran trafik semasa waktu puncak melalui unit pasukan ronda NPE dan juga bantuan daripada pihak PDRM cawangan trafik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini juga telah berbincang dan mencadangkan kepada pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) supaya membina persimpangan bertingkat di beberapa lokasi yang dikenal pasti di sepanjang Jalan Templer. Ia bertujuan membantu kelancaran trafik berikutan daripada pembangunan yang pesat dan juga pertambahan bilangan kenderaan setiap hari. Di samping itu pengguna juga digalakkan untuk menggunakan pengangkutan awam bagi membantu mengurangkan masalah kesesakan trafik.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN:36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9363

SOALAN:

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memperkasakan keselamatan sempadan negara (*border control*) daripada pencerobohan pengganas asing dan kegiatan haram yang mampu menggugat keselamatan dan keamanan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai satu elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Kedudukan geografi Malaysia yang berjiran dengan Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia menjadikan negara mempunyai sempadan darat yang luas dan panjang.

Bagi menentukan keselamatan sempadan negara sentiasa berada dalam keadaan terkawal dari sebarang pencerobohan anasir luar dan aktiviti jenayah rentas sempadan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- i) **Mempertingkatkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bertukar dan berkongsi maklumat risikan dengan menggalakkan pertukaran maklumat antara Negara ahli melalui sekretariat ASEANAPOL atau melalui e-ADS (ASEANAPOL Data System) perkara berkaitan keselamatan sempadan dan perairan negara.**
- ii) **Disamping itu, PDRM telah menubuhkan unit risikan sempadan bagi mengawal dan mengesan kemasukan barang terlarang dan ancaman yang lain. Unit perintis telah di tubuhkan di Negeri Kedah dan akan di perluaskan ke seluruh negara jika menunjukkan kesan yang positif.**

- iii) Kerajaan juga telah menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) bagi meningkatkan kawalan di sempadan dengan mengabungkan agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di bawah satu pasukan petugas bagi mengambil tindakan secara holistik dan bersepadu. AKSEM juga akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak untuk masa hadapannya.
- iv) Kementerian juga sedang meneliti cadangan menaik taraf pagar keselamatan yang sedia ada dan juga pembinaan pagar keselamatan baharu di sempadan darat antarabangsa negara. Cadangan ini ekoran daripada beberapa insiden yang telah berlaku di sempadan negara bagi menentukan insiden sedemikian tidak berulang kembali di masa hadapan.